

14/01/2001

Umno tidak mahu sempitkan pemikiran

Veena Rusli

KOTA BHARU: Umno tidak melihat perbincangan berhubung isu perpaduan Melayu dengan Pas daripada perspektif politik semata-mata tetapi lebih menjurus ke arah usaha memperbaiki silaturahim kedua-dua pihak demi masa depan bangsa dan agama Islam.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed berkata, Umno tidak mahu menyempitkan ruang pemikiran kerana menyedari masyarakat Melayu perlu meningkatkan ukhwah dan perpaduan tanpa terlalu bergantung kepada fahaman politik.

"Kita tidak melihat perbincangan ini dari sudut mana-mana parti, sebaliknya kita lihat dari sudut untuk memperbaiki silaturahim ... berbincang dengan baik kerana kita bernaung di bawah satu bangsa dan sama agama.

"Umno tidak mahu membataskan skop pertemuan itu kepada sudut sempit membabitkan dua parti berbeza tetapi cakupan lebih luas iaitu masa depan orang Melayu dan Islam secara keseluruhannya.

"Kita menaruh sepenuh harapan kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk memikul amanah ini sebaik mungkin demi perpaduan Melayu dan apa juga hasilnya, kita akan susuli di peringkat negeri," katanya dalam sidang akhbar di Bangunan Umno di sini, semalam.

Terdahulu, beliau mempengerusikan mesyuarat bahagian Umno Jeli dan disusuli mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata, perbincangan antara Umno dan Pas itu diharap akan membuahkan beberapa persamaan yang mampu meredakan ketegangan hubungan yang wujud di kalangan kedua-dua parti selama ini.

Mengambil contoh Umno yang mempunyai pengalaman lebih sedekad menghadapi Pas di Kelantan, beliau berkata persefahaman antara Umno dan Pas mengenai pentingnya orang Melayu bersatu akan dapat mengatasi masalah kerenggangan hubungan sedia ada.

"Kita mengalu-alukan perbincangan itu kerana kita berada di negeri yang mana ketegangan hubungan di kalangan masyarakat Melayunya kadangkala begitu tinggi.

"Umno Kelantan sudah lama menerima tekanan dalam menghadapi Pas dan kita paling banyak pengalaman dengan Pas. Itulah sebabnya mengapa kita menaruh harapan tinggi supaya beberapa titik persamaan dapat dihasilkan daripada pertemuan itu.

"Perkara ini mengambil masa dan yang penting, kita menunggu isyarat dari Umno Pusat... tengok hasil pertemuan dan selepas itu kita bincang di peringkat Badan Perhubungan mengenai hala tuju berikutnya," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mustapa meminta wakil Badan Perhubungan ke bahagian di Kelantan bergerak ke peringkat akar umbi mulai bulan depan sebagai persiapan menghadapi mesyuarat cawangan yang bermula pada 1 Mac ini.

Selain itu, katanya, senarai keahlian Umno di negeri ini akan dipamerkan di pejabat Badan Perhubungan negeri, cawangan dan bahagian masing-masing bagi membolehkan ahli melakukan semakan.

"Ahli Umno yang mendapati nama mereka tidak disenaraikan masih boleh membayar yuran dan bahagian mesti menerima bayaran itu kerana kita tidak mahu ada kes ahli tidak dibenarkan membayar yuran," katanya.

(END)